

Zulkiple dilantik Timbalan Naib Canselor USIM

NILAI –Profesor Dr Zulkiple Abd Ghani dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang baharu bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa 15 Januari lalu.

USIM menerusi kenyataannya memberitahu, Zulkiple, 50, yang merupakan anak kelahiran Kedah, dilantik memegang jawatan itu oleh Timbalan Perdana Menteri,



ZULKIPLE

Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pendidikan.

Sebelum ini beliau yang juga Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM telah memangku jawatan berkenaan sejak 1 September tahun lalu.

Zulkiple mempunyai kelulusan PhD dari Universiti Edinburgh dalam bidang Dakwah, Komunikasi dan Media Islam serta memiliki Sarjana Muda Dakwah dan Kepimpinan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).